



12 Mei 2017
12 May 2017
P.U. (A) 137

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH (UKRAINE) 2017

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS (UKRAINE) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH (UKRAINE) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Ukraine) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 24(1) Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "Triti" ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Ukraine mengenai Bantuan Bersama Undang-Undang dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani di Putrajaya, Malaysia pada 4 Ogos 2016 yang di bawahnya Ukraine telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan

3. Ukraine diisytiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Pemakaian Akta bagi Ukraine

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Ukraine.

Kemasukan Triti dalam Perintah

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 5]

TRITI

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

DENGAN

UKRAINE

MENGENAI BANTUAN BERSAMA UNDANG-UNDANG

DALAM PERKARA JENAYAH

Kerajaan Malaysia dan Ukraine (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

Dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan kerjasama antara kedua-dua negara berkenaan dengan bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah berasaskan perasaan saling menghormati demi kedaulatan, kesamarataan hak dan ketiadaan campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri,

Telah bersetuju seperti yang berikut:

Perkara 1

Ruang Lingkup Pemakaian

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan dengan mematuhi undang-undang masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama undang-undang yang seluas mungkin dalam penyiasatan dan prosiding dalam perkara jenayah.

2. Bantuan bersama undang-undang yang hendak diberikan mengikut Triti ini termasuklah:

(a) mengambil keterangan atau pernyataan;

- (b) membuat perkiraan bagi orang untuk memberikan keterangan atau membantu dalam penyiasatan dan prosiding jenayah, termasuk pemindahan orang dalam jagaan;
- (c) melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman dan dokumen prosedur yang lain;
- (d) melaksanakan penggeledahan dan penyitaan;
- (e) memeriksa objek dan tempat;
- (f) membekalkan maklumat dan barang keterangan;
- (g) mengenal pasti, mencari, menyekat, membekukan, menyita dan melucuthakkan hasil dan peralatan jenayah;
- (h) mencari dan mengenal pasti orang; dan
- (i) apa-apa bentuk bantuan yang lain yang tidak bercanggah dengan undang-undang Pihak yang Diminta.

3. Triti ini terpakai semata-mata bagi pemberian bantuan bersama undang-undang antara Pihak-Pihak. Peruntukan Triti ini tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat atau mengetepikan apa-apa keterangan atau untuk menghalang pelaksanaan apa-apa permintaan bagi bantuan.

4. Triti ini tidak terpakai bagi—

- (a) penangkapan atau penahanan mana-mana orang dengan tujuan untuk mengekstradisi orang itu;

- (b) penguatkuasaan penghakiman jenayah di Pihak yang Diminta yang dikenakan di Pihak yang Meminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta;
- (c) pemindahan orang dalam jagaan untuk menjalani hukuman; dan
- (d) pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.

5. Triti ini tidak memberi kuasa kepada mana-mana Pihak untuk melaksanakan, di dalam wilayah Pihak yang satu lagi, pelaksanaan bidang kuasa atau pelaksanaan fungsi yang diletakkan dalam ruang lingkup eksklusif pihak berkuasa Pihak yang satu lagi oleh undang-undangnya.

Perkara 2

Pihak Berkuasa Pusat

1. Setiap Pihak hendaklah menetapkan suatu Pihak Berkuasa Pusat untuk membuat dan menerima permintaan menurut Triti ini melalui saluran diplomatik.
2. Bagi Malaysia, Pihak Berkuasa Pusat ialah Peguam Negara atau seseorang yang ditetapkan oleh Peguam Negara. Bagi Ukraine, Pihak Berkuasa Pusat ialah Pejabat Pendakwa Am, bagi permintaan di peringkat penyiasatan sebelum bicara, dan Kementerian Kehakiman, bagi permintaan di peringkat perbicaraan.
3. Setiap Pihak hendaklah secepat mungkin memberitahu Pihak yang satu lagi mengenai apa-apa perubahan dalam penetapan Pihak Berkuasa Pusatnya.

Perkara 3

Penolakan Bantuan

1. Penolakan suatu permintaan bagi bantuan di bawah Triti ini hendaklah dibuat dengan mematuhi undang-undang Pihak-Pihak masing-masing dan alasan penolakan hendaklah termasuk seperti yang berikut:

- (a) pemberian bantuan itu akan menjejaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam atau kepentingan awam utama yang lain Pihak yang Diminta;
- (b) pemberian atau pelaksanaan permintaan itu akan bertentangan dengan undang-undang Pihak yang Diminta;
- (c) kesalahan itu dikira oleh Pihak yang Diminta sebagai bersifat politik;
- (d) terdapat alasan substansif untuk mempercayai bahawa permintaan bagi bantuan itu dibuat bagi maksud untuk menyiasat, mendakwa atau menghukum atau selainnya menimbulkan prejudis terhadap seseorang kerana ras, jantina, agama, kerakyatan, keturunan etnik atau pendapat politik orang itu;
- (e) permintaan itu berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah undang-undang tentera yang, jika kesalahan itu telah berlaku di Pihak yang Diminta, tidak akan menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang jenayah yang lazim di Pihak yang Diminta;
- (f) permintaan itu berkaitan dengan kelakuan yang tidak akan menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta;
- (g) permintaan itu berkaitan dengan pendakwaan seseorang bagi suatu kesalahan yang berkenaan dengannya orang itu telah disabitkan, dibebaskan atau diberi pengampunan secara muktamad atau telah menjalani atau sedang menjalani hukuman yang dikenakan oleh Pihak yang Diminta atau selainnya telah dilepaskan daripada tanggungjawab jenayah atau daripada pelaksanaan suatu hukuman di Pihak itu.

2. Pihak yang Diminta boleh menangguhkan pelaksanaan permintaan jika pelaksanaan segeranya permintaan itu akan mengganggu suatu penyiasatan atau prosiding jenayah yang sedang dijalankan di Pihak yang Diminta.

3. Bagi maksud subperenggan 1(c), kesalahan yang berikut tidaklah boleh dikira sebagai kesalahan yang bersifat politik:

- (a) suatu kesalahan terhadap nyawa atau diri seseorang Ketua Negara atau anggota keluarga terdekat seseorang Ketua Negara;
- (b) suatu kesalahan terhadap nyawa atau diri seseorang Ketua Kerajaan, atau seseorang Menteri suatu Kerajaan;
- (c) suatu kesalahan yang diwujudkan di bawah apa-apa triti antarabangsa pelbagai hala yang Pihak-Pihak ialah pihak kepadanya dan yang diisytiharkan dalam triti pelbagai hala berkenaan tidak dikira sebagai suatu kesalahan yang bersifat politik bagi maksud bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah; dan
- (d) apa-apa percubaan, persubahatan atau konspirasi untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam subperenggan (a) hingga (c).

4. Sebelum menolak sesuatu permintaan atau menangguhkan pelaksanaannya, Pihak yang Diminta hendaklah menimbang sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Jika Pihak yang Meminta menerima bantuan tertakluk kepada syarat-syarat itu, Pihak yang Meminta hendaklah mematuhi.

5. Sebab hendaklah diberikan bagi apa-apa penolakan atau penangguhan bantuan bersama undang-undang.

6. Bantuan tidak boleh ditolak semata-mata atas alasan kerahsiaan bank dan institusi kewangan yang seumpamanya atau bahawa kesalahan itu juga dikira sebagai melibatkan perkara fiskal.

Perkara 4

Bentuk Permintaan

1. Suatu permintaan bagi bantuan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertai dengan tandatangan seorang pegawai yang diberi kuasa dan meterai Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta atau pihak berkuasa berwibawa yang menjalankan penyiasatan atau prosiding dalam kes itu. Dalam situasi yang memerlukan tindakan segera, Pihak yang Meminta boleh membuat suatu permintaan dalam bentuk lain yang boleh diterima oleh Pihak yang Diminta seperti melalui faksimili atau mel elektronik, dan Pihak yang Meminta hendaklah mengesahkan permintaan itu secara bertulis dengan segera selepas itu.

2. Pihak Berkuasa Pusat hendaklah menguruskan penghantaran semua permintaan dan apa-apa komunikasi yang berkaitan dengannya. Dalam situasi yang memerlukan tindakan segera dan jika dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta, permintaan dan apa-apa komunikasi yang berkaitan dengannya boleh dihantar melalui Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (INTERPOL) kepada Pihak Berkuasa Pusat.

Perkara 5

Kandungan Permintaan

1. Suatu permintaan bagi bantuan hendaklah termasuk:
 - (a) nama pihak berkuasa yang berwibawa yang menjalankan penyiasatan atau prosiding dalam perkara jenayah yang berhubungan dengan permintaan itu;
 - (b) tujuan permintaan itu dan perihalan ringkas mengenai bantuan yang diminta;
 - (c) suatu perihalan mengenai fakta kes dan perihalan undang-undang kesalahan itu dengan teks undang-undang yang berkenaan;

- (d) sebab-sebab dan butir-butir mengenai apa-apa tatacara atau kehendak tertentu yang Pihak yang Meminta menghendaki supaya diikuti;
- (e) penetapan apa-apa had masa yang dalamnya permintaan itu dikehendaki dipatuhi;
- (f) suatu perihalan mengenai keterangan, maklumat atau bantuan lain yang diminta;
- (g) kehendak khas bagi kerahsiaan, jika ada, dan sebab-sebab baginya;
- (h) apa-apa maklumat lain yang perlu untuk melaksanakan permintaan itu dengan sewajarnya.

2. Permintaan bagi bantuan boleh juga, setakat yang perlu, termasuk:

- (a) identiti, kerakyatan dan lokasi orang atau orang-orang yang menjadi subjek penyiasatan atau prosiding dalam perkara jenayah yang berhubungan dengan permintaan itu;
- (b) identiti dan lokasi mana-mana orang yang daripadanya keterangan diminta;
- (c) identiti dan lokasi seseorang yang kepadanya penyampaian akan dibuat, hubungan orang itu dengan prosiding jenayah itu, dan cara penyampaian itu dikehendaki dibuat;
- (d) maklumat mengenai identiti dan keberadaan seseorang yang hendak dicari;
- (e) suatu senarai soalan yang hendak ditanyakan kepada seseorang saksi atau mangsa;

(f) suatu perihalan mengenai hasil dan peralatan jenayah yang hendak dikenal pasti, dicari, disekat, dibekukan, disita dan dilucuthakkan.

3. Permintaan, dokumen sokongan dan komunikasi lain yang dibuat menurut Triti ini hendaklah dalam bahasa Inggeris.

4. Jika Pihak yang Diminta berpendapat bahawa maklumat yang terkandung dalam permintaan itu tidak mencukupi untuk membolehkannya mengendalikan permintaan itu, Pihak yang Diminta boleh meminta maklumat tambahan.

Perkara 6

Pelaksanaan Permintaan

Permintaan untuk bantuan hendaklah dilaksanakan dengan segera, mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang dan amalan Pihak yang Diminta. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan amalannya, Pihak yang Diminta boleh melaksanakan permintaan itu mengikut cara yang dinyatakan oleh Pihak yang Meminta.

Perkara 7

Pengambilan Keterangan

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan mengikut undang-undangnya, mengambil keterangan dan mengemukakannya kepada Pihak yang Meminta.

2. Apabila permintaan itu berkenaan dengan pengemukaan dokumen atau rekod, Pihak yang Diminta boleh mengemukakan salinan terperaku atau salinan fotonya. Walau bagaimanapun, jika Pihak yang Meminta secara nyata menghendaki pengemukaan dokumen atau rekod asal, Pihak yang Diminta hendaklah menggunakan sebaik-baik ikhtiarnya untuk memenuhi kehendak itu.

3. Setakat yang tidak bercanggah dengan undang-undang Pihak yang Diminta, dokumen dan bahan lain yang hendak dikemukakan kepada Pihak yang Meminta mengikut Triti ini hendaklah diperakui dalam bentuk yang diminta oleh Pihak yang Meminta supaya ia boleh diterima masuk mengikut undang-undang Pihak yang Meminta.

4. Setakat yang tidak bercanggah dengan undang-undang Pihak yang Diminta, Pihak yang Diminta hendaklah membenarkan kehadiran orang yang dinyatakan dalam permintaan itu semasa pelaksanaan permintaan itu, dan hendaklah membenarkan orang itu mengutarakan soalan, melalui personel pihak berkuasa berwibawa Pihak yang Diminta, kepada orang yang daripadanya keterangan hendak diambil. Bagi maksud ini, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta terlebih dahulu tentang masa dan tempat pelaksanaan permintaan itu.

Perkara 8

Pemulangan Keterangan

Pihak yang Meminta hendaklah, apabila diminta, memulangkan kepada Pihak yang Diminta dokumen, rekod atau barang asal yang diberikan kepada Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Triti ini.

Perkara 9

Pengehadan atas Penggunaan

1. Pihak yang Meminta tidak boleh, tanpa persetujuan Pihak yang Diminta, menggunakan atau memindahkan maklumat atau keterangan yang diberikan oleh Pihak yang Diminta untuk penyiasatan atau prosiding dalam perkara jenayah selain yang dinyatakan dalam permintaan itu.

2. Walau apa pun perenggan 1 Perkara ini, dalam hal jika pertuduhan dipinda, maklumat atau keterangan yang diberikan boleh digunakan setakat kesalahan itu, sebagaimana yang dipertuduhkan, merupakan suatu kesalahan yang berkenaan dengannya bantuan bersama undang-undang boleh diberikan di bawah Triti ini.

Perkara 10
Pelindungan Kerahsiaan

Apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya,—

- (a) Pihak yang Diminta hendaklah menggunakan sebaik-baik ikhtiarnya untuk menjaga kerahsiaan permintaan bagi bantuan itu, kandungannya dan dokumen sokongannya, hakikat pemberian bantuan itu dan apa-apa tindakan yang diambil menurut permintaan itu. Jika permintaan itu tidak dapat dilaksanakan tanpa melanggar kehendak kerahsiaan, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta sedemikian, yang kemudiannya hendaklah menentukan sama ada permintaan itu masih patut dilaksanakan; dan

- (b) Pihak yang Meminta hendaklah menjaga kerahsiaan keterangan dan maklumat yang diberikan oleh Pihak yang Diminta, kecuali setakat keterangan dan maklumat itu diperlukan untuk penyiasatan dan prosiding jenayah yang diperihalkan dalam permintaan itu.

Perkara 11
Penyampaian Dokumen

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, melaksanakan penyampaian dokumen yang dihantar kepadanya bagi maksud ini oleh Pihak yang Meminta.

2. Pihak yang Meminta hendaklah menghantar apa-apa permintaan bagi penyampaian dokumen yang berkenaan dengan sesuatu respons atau kehadiran di Pihak yang Meminta tidak lewat daripada enam puluh hari sebelum respons atau kehadiran yang dijadualkan itu. Pihak yang Diminta boleh mengizinkan suatu tempoh masa yang lebih pendek dalam hal kecemasan.

3. Pihak yang Diminta hendaklah, setelah melaksanakan penyampaian, memberikan Pihak yang Meminta suatu bukti penyampaian yang hendaklah menunjukkan tarikh, tempat dan cara penyampaian, dan di mana-mana mungkin, suatu resit yang ditandatangani oleh orang yang kepadanya dokumen itu disampaikan dan bukti penyampaian hendaklah ditandatangani atau dimeterai oleh pihak berkuasa yang menyampaikan dokumen itu. Jika penyampaian tidak dapat dilaksanakan, sebab hendaklah dimaklumkan kepada Pihak yang Meminta.

Perkara 12

Kehadiran Orang dalam Jagaan di Pihak yang Meminta

1. Pihak yang Diminta boleh, apabila diminta, membenarkan seseorang dalam jagaan di Pihak yang Diminta, tertakluk kepada persetujuan orang itu, untuk dipindahkan secara sementara kepada Pihak yang Meminta untuk memberi keterangan atau membantu dalam penyiasatan atau prosiding kehakiman, dengan syarat bahawa Pihak-Pihak telah mempersetujui syarat-syarat pemindahan sebelum ini.

2. Pihak yang Meminta hendaklah menahan orang yang dipindahkan itu dalam jagaan dan hendaklah mengembalikan orang dalam jagaan itu kepada Pihak yang Diminta sebaik sahaja kehadiran orang itu tidak lagi diperlukan.

3. Jika Pihak yang Diminta menasihatkan Pihak yang Meminta bahawa orang yang dipindahkan itu tidak lagi diperlukan untuk ditahan dalam jagaan, orang itu hendaklah dilepaskan daripada jagaan dan dikira sebagai orang yang disebut dalam Perkara 13 Triti ini.

Perkara 13

Kehadiran Orang di Pihak yang Meminta

1. Pihak yang Diminta boleh, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, membantu dalam mengatur kehadiran seseorang di Pihak yang Diminta, tertakluk kepada persetujuan orang itu, di Pihak yang Meminta—

- (a) untuk membantu dalam penyiasatan berhubung dengan suatu perkara jenayah di Pihak yang Meminta; atau
- (b) untuk hadir dalam prosiding kehakiman berhubung dengan suatu perkara jenayah di Pihak yang Meminta melainkan jika orang itu merupakan tertuduh.

2. Pihak yang Diminta hendaklah mengundang orang itu untuk hadir sebagai saksi, mangsa atau pakar dalam prosiding jenayah di Pihak yang Meminta atau selainnya untuk membantu dalam penyiasatan. Jika wajar, Pihak yang Diminta hendaklah memuaskan hatinya bahawa perkiraan yang memuaskan telah dibuat bagi keselamatan orang itu. Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta tentang respons orang itu.

3. Jika seseorang diminta untuk hadir di Pihak yang Meminta, permintaan itu hendaklah mengandungi maklumat mengenai perkara yang berikut:

- (a) fi, elaun dan perbelanjaan, jika ada, yang berhak didapati oleh orang itu;
- (b) perkiraan bagi keselamatannya semasa perjalanannya ke dan dari Pihak yang Meminta dan semasa dia berada di Pihak yang Meminta, jika ada; dan
- (c) perkiraan bagi penginapannya semasa dia berada di Pihak yang Meminta.

Perkara 14

Jaminan Keselamatan

1. Tertakluk kepada perenggan 2 Perkara ini, jika seseorang hadir di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 12 atau 13 Tritis ini:

- (a) orang itu tidak boleh ditahan, didakwa, dihukum atau tertakluk kepada apa-apa sekatan kebebasan diri yang lain di Pihak yang Meminta berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan atau sabitan bagi apa-apa kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Meminta yang dikatakan telah dilakukan, atau yang telah dilakukan, sebelum orang itu berlepas dari Pihak yang Diminta;
- (b) orang itu tidak boleh, tanpa persetujuannya, dikehendaki untuk memberikan keterangan dalam apa-apa prosiding kehakiman atau untuk membantu dalam apa-apa penyiasatan di Pihak yang Meminta selain prosiding atau penyiasatan yang berhubungan dengan permintaan itu; dan
- (c) orang itu tidak boleh tertakluk kepada apa-apa guaman sivil berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang telah berlaku sebelum orang itu berlepas dari Pihak yang Diminta.

2. Perenggan 1 Perkara ini hendaklah terhenti terpakai jika orang itu, yang bebas dan berupaya untuk meninggalkan, tidak meninggalkan Pihak yang Meminta dalam tempoh 15 hari berturut-turut setelah orang itu diberitahu secara rasmi bahawa kehadirannya tidak lagi dikehendaki atau, setelah meninggalkan Pihak yang Meminta, telah kembali secara suka rela.

3. Seseorang yang tidak bersetuju untuk memberikan bantuan menurut Perkara 12 atau 13 tidak boleh oleh sebab itu bertanggung terhadap apa-apa penalti atau langkah memaksa oleh mahkamah Pihak yang Meminta atau Pihak yang Diminta.

Perkara 15

Pengambilan Keterangan melalui Sidang Video

1. Satu Pihak boleh meminta Pihak yang satu lagi untuk membenarkan seseorang di dalam wilayah Pihak yang Diminta untuk memberi keterangan dalam penyiasatan atau prosiding dalam perkara jenayah di Pihak yang Meminta melalui sidang video.

2. Pihak yang Diminta boleh menerima suatu permintaan di bawah perenggan 1 Perkara ini setakat yang ia mungkin dan tidak akan melanggar undang-undang Pihak yang Diminta.

3. Pihak Berkuasa Pusat atau pihak berkuasa berwibawa Pihak-Pihak boleh mempersetujui syarat-syarat dan tatacara yang terpakai bagi pengambilan keterangan melalui sidang video sebelum pelaksanaannya.

Perkara 16

Pengeledahan dan Penyitaan

1. Pihak yang Diminta hendaklah melaksanakan suatu permintaan bagi pengeledahan dan penyitaan dan penghantarserahan apa-apa dokumen, rekod atau barang kepada Pihak yang Meminta jika dokumen, rekod atau barang itu relevan dengan suatu perkara jenayah bagi maksud keterangan dan dengan syarat bahawa hak pihak ketiga *bona fide* adalah dilindungi.

2. Pihak yang Diminta hendaklah memberikan kepada Pihak yang Meminta hasil pelaksanaan permintaan itu, termasuk hasil pengeledahan, tempat dan hal keadaan penyitaan, dan jagaan terkemudian dokumen, rekod atau barang itu.

3. Pihak yang Meminta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pihak yang Diminta berhubung dengan apa-apa dokumen, rekod atau barang yang disita yang dihantarserahkan kepada Pihak yang Meminta yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk melindungi dokumen, rekod atau barang yang akan dipindahkan itu.

Perkara 17

Bantuan dalam Prosiding Pelucuthakan

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, berikhtiar untuk mencari, mengesan, menyekat, membekukan, menyita, melucuthakkan atau merampas hasil jenayah dan peralatan jenayah.

2. Sesuatu Pihak yang mempunyai kawalan terhadap harta atau aset yang dilucuthakkan atau dirampas hendaklah melupuskannya mengikut undang-undangnya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, Pihak itu boleh memindahkan semua atau mana-mana bahagian harta itu atau hasil daripada penjualannya kepada Pihak yang satu lagi atas terma yang dipersetujui bersama.

3. Pihak yang Diminta boleh menghendaki Pihak yang Meminta untuk mempersetujui terma dan syarat yang disifatkan perlu untuk melindungi kepentingan pihak ketiga *bona fide* terhadap harta yang akan dipindahkan.

Perkara 18

Perakuan dan Pengesahan

Bagi maksud Triti ini, apa-apa dokumen, rekod atau barang yang dihantar mengikut Triti ini tidak menghendaki apa-apa bentuk perakuan atau pengesahan kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Triti ini atau dalam permintaan itu.

Perkara 19

Kos

1. Pihak yang Diminta hendaklah menanggung segala perbelanjaan biasa untuk memenuhi permintaan bagi bantuan kecuali bahawa, Pihak yang Meminta hendaklah menanggung—

(a) perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan mana-mana orang ke atau dari wilayah Pihak yang Diminta dan fi, elaun dan perbelanjaan yang kena dibayar kepada orang yang berkenaan selagi orang itu berada di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 12 atau 13 Triti ini;

(b) perbelanjaan dan fi pakar;

- (c) kos penterjemahan, pentafsiran dan pentranskripsian; dan
- (d) perbelanjaan yang berkaitan dengan pengambilan keterangan melalui sidang video.

2. Jika semasa pelaksanaan permintaan itu menjadi jelas bahawa perbelanjaan yang bersifat luar biasa atau besar adalah diperlukan untuk memenuhi permintaan itu, Pihak-Pihak hendaklah berunding untuk menentukan terma dan syarat yang di bawahnya permintaan itu akan dilaksanakan atau diteruskan.

Perkara 20

Perkiraan Lain

Tiada apa-apa jua dalam Triti ini boleh menghalang Pihak-Pihak daripada memberikan bantuan kepada satu sama lain menurut triti, perkiraan atau peruntukan undang-undangnya yang lain.

Perkara 21

Penyelesaian Pertikaian

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak yang berbangkit daripada pentafsiran atau pelaksanaan peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan secara baik melalui rundingan atau runding bicara antara Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik tanpa merujuk kepada mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

Perkara 22

Rundingan

1. Pihak-Pihak Berkuasa Pusat bagi Pihak-Pihak hendaklah berunding, pada masa yang dipersetujui bersama oleh mereka, untuk menggalakkan penggunaan yang paling berkesan Triti ini.

2. Pihak-Pihak boleh membangunkan apa-apa langkah praktikal yang didapati perlu untuk memudahkan pelaksanaan Triti ini.

Perkara 23

Pindaan

1. Triti ini boleh diubah suai atau dipinda pada bila-bila masa melalui persetujuan bertulis bersama Pihak-Pihak. Ubah suaian atau pindaan sedemikian hendaklah berkuat kuasa menurut perenggan 1 Perkara 24 Triti ini dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Triti ini.
2. Apa-apa ubah suaian atau pindaan tidaklah menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau berdasarkan Triti ini sebelum atau sehingga tarikh ubah suaian atau pindaan itu mula berkuat kuasa.

Perkara 24

Permulaan Kuat Kuasa dan Penamatan

1. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh penerimaan pemberitahuan terakhir tentang penyempurnaan tatacara dalaman yang dikehendaki oleh undang-undang domestik mana-mana satu Pihak bagi permulaan kuat kuasanya.
2. Triti ini hendaklah terpakai bagi permintaan yang dikemukakan selepas tarikh permulaan kuat kuasanya tidak kira perbuatan atau peninggalan yang berkaitan yang menjadi kesalahan itu berlaku sebelum atau selepas tarikh itu.
3. Mana-mana satu Pihak boleh menamatkan Triti ini dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pihak yang satu lagi melalui saluran diplomatik. Penamatan sedemikian hendaklah berkuat kuasa enam bulan selepas tarikh notis sedemikian diterima oleh Pihak yang satu lagi.

4. Penamatan Triti ini tidak menjejaskan penyempurnaan mana-mana permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum atau sehingga tarikh penamatan itu.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa sewajarnya, telah menandatangani Triti ini.

Dibuat di Putrajaya pada 4 hari bulan Ogos Dua Ribu Enam Belas, dalam dua salinan asal dalam bahasa Ukraine, Melayu dan Inggeris, setiap teks sama sahinya. Dalam hal perbezaan dalam pentafsiran, teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA

TAN SRI DATO' SRI HAJI MOHAMED
APANDI BIN ALI
Peguam Negara Malaysia

BAGI UKRAINE

PAVLO KLIMKIN
Menteri Luar Negeri Ukraine

Dibuat 27 April 2017
[JPN(R)152/185/29/93; PN(PU2)/628/VIII]

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS (UKRAINE) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by subsection 17(1) of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Mutual Assistance in Criminal Matters (Ukraine) Order 2017**.

(2) This Order comes into operation in accordance with Article 24(1) of the Treaty.

Interpretation

2. In this Order, "Treaty" means the Treaty between the Government of Malaysia and Ukraine on Mutual Legal Assistance in Criminal Matters signed in Putrajaya, Malaysia on 4 August 2016 under which Ukraine has agreed to provide assistance in criminal matters to Malaysia.

Declaration of prescribed foreign State

3. Ukraine is declared to be a prescribed foreign State for the purposes of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002.

